

05 SEP 1997

MASA UNTUK MEYAKINKAN LAGI PASARAN, KATA MIER

Oleh: Tan Hock Guan

SINGAPURA, 5 Sept (Bernama) -- Ketika menyambut baik pembatalan sekatan dagangan dan menangguhkan projek-projek besar seperti diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) berkata ini adalah masanya untuk menyakinkan semula pasaran.

Pengarah Eksekutif MIER Prof Mohamed Ariff memberitahu Bernama di sini hari ini bahawa pasaran saham dan pasaran matawang Malaysia akan menjadi stabil dan kembali kepada keadaan sedia kala apabila keyakinan pasaran telah diyakinkan semula.

Beliau berada di Singapura untuk menghadiri Persidangan Rantaian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)-Perhubungan Ekonomi Lebih Rapat Australia dan New Zealand (CER).

Pasaran saham dan pasaran matawang serantau telah menjadi lemah sejak 2 Julai lalu dengan penurunan nilai baht Thai, manakala di Malaysia langkah-langkah dikuatkuasakan dalam usaha untuk menyekat saham-saham dan ringgit daripada terus merosot.

Beliau berkata ia mungkin mengambil tiga hingga empat bulan bagi keadaan di Malaysia untuk pulih seperti sedia kala.

"Yang menyelamatkan Malaysia adalah fundamental ekonominya yang baik.

"Tetapi, jika ketidak pastian berterusan untuk masa yang lama, maka fundamental juga akan turut terjejas," katanya.

Beliau menambah kata adalah baik jika ini disedari sejak awal lagi dan kini tiba masanya untuk meyakinkan semula pasaran daripada "menakut-nakutkannya."

"Kita harus belajar supaya bekerja dengan pasaran dan bukan menentangnya, itu adalah rumusan bagi mengembalikan keadaan seperti sedia kala." tambah Mohamed Ariff. -- BERNAMA

THG OS MA